



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PERASMIAN
SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2025**

LOKASI / TARikh / MASA
**WORLD TRADE CENTRE KUALA LUMPUR (WTC KL)
8 MAC 2025 (SABTU)**

2.30 PTG

Kemas kini 6 Mar 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita berhimpun dalam Majlis **Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025**. Kita berkumpul bukan sekadar untuk meraikan pencapaian wanita, tetapi untuk mengukuhkan

lagi tekad dan azam kita dalam memperkasakan golongan wanita di negara kita.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada **YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim**, atas komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam memperjuangkan hak wanita. Kehadiran beliau hari ini adalah bukti bahawa

pemerksaan wanita bukan sekadar slogan tetapi adalah agenda kebangsaan yang diberi perhatian serius oleh Kerajaan MADANI.

3. Setiap tahun, 8 Mac menjadi simbolik penghargaan dan pengiktirafan terhadap wanita di seluruh dunia. Ianya adalah satu peringatan bahawa wanita bukan sekadar pelengkap dalam pembangunan negara, tetapi penggerak utama ke arah kemajuan yang lebih inklusif dan mampan.

TEMA HARI WANITA: WANITA BERASPIRASI, MEMBINA LEGASI

Puan-puan dan tuan-tuan,

4. Tahun ini, kita mengangkat tema “Wanita Beraspirasi, Membina Legasi”. Tema ini dipilih untuk menegaskan bahawa wanita bukan hanya bermimpi besar, tetapi

mampu merealisasikan impian mereka dalam pelbagai bidang – ekonomi, politik, pendidikan, teknologi dan masyarakat.

- 5. “Wanita Beraspiras”** mencerminkan keberanian, tekad dan keinginan wanita untuk mencapai kecemerlangan dalam apa juu bidang yang diceburi.
- 6. “Membina Legasi”** menandakan sumbangan besar dan impak wanita dalam membentuk masa depan masyarakat dan negara. Tema ini selari dengan aspirasi Malaysia

**MADANI, yang menekankan pembangunan yang inklusif,
mampan dan adil untuk semua rakyat Malaysia.**

AKTIVITI PRA-SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Sambutan Hari Wanita tahun ini lebih bermakna kerana buat pertama kalinya, kita melaksanakan aktiviti pra-sambutan di peringkat zon bagi memastikan penglibatan yang lebih menyeluruh dan inklusif.

8. Pra-sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 telah dilaksanakan secara berperingkat di **lima (5)** zon utama di seluruh negara. Ia bermula di **Zon Borneo** pada **11 Februari 2025**, diikuti oleh **Zon Timur** pada **18 Februari 2025**, **Zon Selatan** pada **24 Februari 2025**, **Zon Tengah** pada **25 Februari 2025**, dan akhirnya **Zon Utara** pada **26 Februari 2025**.

9. Dianggarkan seramai 500 ke 1000 orang peserta telah terlibat dalam setiap sambutan pada peringkat zon. Kita berbangga kerana program ini mendapat **sokongan padu daripada rakan-rakan strategik** termasuk agensi kerajaan negeri, **Pos Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri, RELA, TalentCorp,** serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti **Sarawak Women for Women Society dan Kelab Wanita Ikon Malaysia.**

- 10.** Sepanjang pra-sambutan ini, pelbagai aktiviti telah dijalankan bagi meningkatkan kesedaran dan memperkuuhkan advokasi mengenai hak wanita serta cabaran yang dihadapi.
- 11.** Antara aktiviti utama yang dianjurkan termasuk **kempen kesedaran dan advokasi, forum serta sesi dialog bersama pemimpin wanita dan pakar dalam pelbagai bidang, serta diskusi yang membincangkan aspek kepimpinan, ekonomi, dan kesejahteraan wanita.**

12. Selain itu, satu **khutbah khas sempena Hari Wanita telah disampaikan dalam solat Jumaat pada 21 Februari 2025**, diikuti dengan **Forum Perdana Hal Ehwal Islam Khas pada 27 Februari 2025**, yang memberi tumpuan kepada isu-isu yang berkaitan dengan peranan dan kesejahteraan wanita dalam masyarakat. Dengan pendekatan baharu ini, lebih ramai wanita dari seluruh negara dapat merasai impak program secara langsung

serta memperoleh manfaat daripada perbincangan dan inisiatif yang dijalankan.

CABARAN DAN HALA TUJU PEMERKASAAN WANITA

Puan-puan dan tuan-tuan,

13. Malaysia MADANI tidak akan lengkap tanpa penyertaan dan sumbangan wanita dalam pelbagai aspek pembangunan negara. Namun, kita masih berdepan dengan beberapa cabaran besar yang perlu ditangani segera. **Antaranya, kadar penyertaan tenaga buruh**

wanita yang masih rendah, hanya 56.2% berbanding lelaki yang mencatatkan 82.3%.

- 14. Selain itu, ramai wanita terpaksa menghentikan kerjaya selepas berkahwin atau melahirkan anak dan tidak kembali bekerja. Dalam aspek keselamatan, kes keganasan terhadap wanita masih tinggi, dengan 5,249 kes dilaporkan sepanjang tahun 2024.**
- 15. Di samping itu, penglibatan wanita dalam peranan pembuat keputusan di sektor awam dan swasta masih**

kurang, menunjukkan perlunya usaha lebih besar dalam memperkuuh kepimpinan wanita.

16. Untuk mengatasi cabaran ini, kerajaan melalui **Ekonomi MADANI** telah **menetapkan sasaran untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita kepada 60%**. Langkah ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan wanita mempunyai akses kepada peluang ekonomi yang adil dan setara.

17. Majikan perlu lebih fleksibel dalam menyediakan dasar mesra keluarga bagi menyokong wanita yang ingin kembali bekerja. Masyarakat perlu menghapuskan stigma terhadap wanita yang memilih untuk mengejar kerjaya, sementara individu pula harus terus memperjuangkan hak dan peluang yang saksama.

PROGRAM PERANTIS: MELAHIRKAN PEMIMPIN WANITA MASA HADAPAN

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

18. Antara inisiatif utama yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) adalah **Program Perantisan Kepimpinan Wanita** atau **PERANTIS**.

19. PERANTIS adalah satu langkah strategik untuk melatih dan membimbing wanita sebagai pemimpin masa depan. Pada tahun 2024, **Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS)** telah menerima **354 permohonan**, di mana **25 program telah diluluskan**, memberi manfaat kepada **1,247 peserta**.

20. Melihat kepada keberkesanannya program ini, kerajaan telah memperuntukkan **RM5 juta dalam Belanjawan 2025** bagi memperluaskan pelaksanaannya. Sasaran tahun ini adalah untuk **melatih 100 tokoh wanita**, yang akan memimpin pelbagai inisiatif serta memberi manfaat kepada **5,000 peserta wanita** di seluruh negara.

21. Antara program yang dilaksanakan di bawah PERANTIS termasuk:

a. **Pemerkasaan Ekonomi – Puan Nurliana Muhammad dari Pahang** yang telah membimbing 150 usahawan wanita dalam pengurusan akaun, percukaian dan zakat perniagaan

- b. **Kepimpinan & Pendidikan Belia** – Prof. Datuk Dr. Roziah Omar dari Selangor melatih **30 pemimpin wanita muda** dalam pendidikan tinggi, membentuk generasi kepimpinan masa depan.
- c. **Politik & Advokasi** – Sidang Wanita Pulau Pinang 2024 (YB Puan Lim Siew Kim) dan Program Kepimpinan Wanita Berimpak Tinggi Tawau (Puan Nazliah Ali) telah memperkasakan **160 wanita** dalam membuat keputusan politik dan masyarakat.

- d. **Kepimpinan Kreatif – Puan Sharnaz Saberi (Sarawak)** membimbang **100 wanita** dalam industri seni, muzik, filem, reka bentuk, dan media digital.
22. PERANTIS merupakan satu langkah penting dalam memperkuuh peranan wanita sebagai pemimpin dalam pelbagai bidang, sekaligus membentuk generasi wanita yang lebih berdaya saing, berpengaruh, dan berwawasan.

USAHA BERTERUSAN KERAJAAN MADANI: DASAR & INISIATIF UNTUK WANITA

23. Dalam usaha membentuk sebuah negara yang lebih inklusif dan progresif, kerajaan MADANI terus mengutamakan pemerkasaan wanita sebagai salah satu agenda penting dalam pembangunan negara. Justeru, dasar dan inisiatif yang menyokong peranan wanita dalam pelbagai sektor terus diperluas bagi menjamin kesejahteraan mereka.

24. Antara langkah utama yang diambil adalah untuk **meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita kepada 60%**, di samping memperkenalkan peluang pekerjaan yang mesra keluarga untuk menyokong keseimbangan antara kehidupan profesional dan peribadi.

25. Selain itu, **usaha memperkuatkan perlindungan terhadap keganasan rumah tangga dan gangguan seksual** juga perlu diteruskan bagi memastikan wanita dapat hidup dalam persekitaran yang selamat dan bebas daripada ancaman.

26. Langkah strategik juga perlu diambil untuk mengarusperdanakan pemerkasaan wanita dalam pelbagai sektor, termasuk ekonomi, sains, teknologi, dan kepimpinan, agar lebih ramai wanita berpeluang memegang peranan penting dalam membuat keputusan dan mencorakkan hala tuju negara.

27. Namun, usaha ini tidak boleh digerakkan oleh kerajaan sahaja. Kejayaan dalam memperkasakan wanita

memerlukan kerjasama erat daripada semua pihak – sektor swasta perlu menyediakan dasar kerja yang lebih fleksibel dan peluang kepimpinan yang lebih luas, NGO perlu terus menjadi suara dalam memperjuangkan hak wanita, dan setiap individu harus memainkan peranan dalam menghapuskan stereotaip yang membataskan potensi wanita.

28. Hanya dengan usaha kolektif, kita dapat membentuk sebuah negara yang benar-benar inklusif dan maju, di

mana setiap wanita mempunyai ruang dan peluang untuk mencapai kejayaan serta membina legasi mereka.

PENUTUP

Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati sekalian,

29. Pada kesempatan ini, saya dan seluruh warga kerja Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 mengucapkan **setinggi-tinggi penghargaan** kepada semua pihak yang turut bekerjasama menjayakan penganjuran Majlis ini.

30. Sekali lagi, **kami ingin zahirkan penghargaan yang tidak terhingga untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas keprihatinan yang tidak berbelah bahagi dalam**

perjuangan memperkasakan wanita. Sokongan dan komitmen beliau dalam memastikan **wanita terus diberikan ruang dan peluang yang adil dalam pelbagai bidang** adalah satu langkah penting ke arah membentuk **Malaysia yang lebih progresif dan inklusif.**

31. Untuk para wanita di luar sana, di mana jua anda berada,
saya mewakili Kementerian Pembangunan Wanita,

Keluarga dan Masyarakat ingin mengucapkan "**Selamat Menyambut Hari Wanita Antarabangsa 2025 – Wanita Beraspirasi, Membina Legasi**".

32. Hari ini adalah hari kita, hari untuk meraikan pencapaian, memperkuuh tekad, dan terus melangkah ke hadapan sebagai pemimpin, penggerak perubahan, serta inspirasi kepada generasi akan datang. **Wanita bukan sekadar penyeri, tetapi peneraju kemajuan!**

Izinkan saya mengakhiri dengan serangkap pantun:

Indah berseri bunga setaman,
Mekar mewangi tersusun rapi,
Wanita beraspirasri penuh wawasan,
Membina legasi, menawan hati.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY INTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
8 Mac 2025